

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RET 522 - Tenaga dan Penyenggaraan Bangunan 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Penyenggaraan diamalkan di tiap-tiap aktiviti pembuatan, pembinaan dan alam sekitar, kalau tidak lambat laun mana-mana satu daripada operasi ini akan berhenti berfungsi. Ada dua pendekatan berbeza mengendalikan penyenggaraan ini. Namakan pendekatan ini dan huraikan dengan terperinci pendekatan ini dan nyatakan perbezaan di antara satu dengan yang lain.

(25 markah)

2. Apakah objektif Perancangan dalam Senggaraan Perkhidmatan dan apakah punca-punca utama yang menyebabkan kos kurang efektif dalam senggaraan bangunan/perkhidmatan?

Nyatakan masalah perancangan dalam melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan.

(25 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan Co-Generasi? Co-Generasi dikatogarikan sebagai:-
 - (a) Litar "Topping" dan
 - (b) Litar "Bottoming"

Huraikan dengan terperinci **KEDUA-DUA** litar di atas dengan memberi contoh untuk membantu penerangan anda.

(25 markah)

- 2 -

4. Mana-mana sistem kuasa tidak berguna jika ia tidak beroperasi dan bila ia beroperasi mestilah berjalan dengan ekonomi. Ada beberapa faktor yang terlibat dengan operasi satu-satu sistem kuasa. Senaraikan faktor-faktor ini mengikut keutamaan.

Huraikan **EMPAT** daripada faktor-faktor ini supaya apabila satu-satu loji direkabentuk ia akan mengeluarkan dan menghantar kuasa mengikut keperluan pada kos pengeluaran yang minimum dan mengambilkira kesan beban sistem itu.

(25 markah)

-ooo00ooo-